

23 FEB 2001

Samy-Jawatan

MIC AKAN MINTA TIGA JAWATAN SUP TAMBAHAN

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- MIC akan meminta satu jawatan setiausaha parlimen (SUP) untuk wakil wanita parti itu berikutan pembentukan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Januari lepas.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan jawatan tambahan itu setelah gagal mendapatkan satu jawatan selepas Pilihan Raya Umum 1999.

"Selepas Pilihan Raya Umum 1999, kami membuat permohonan tetapi permintaan kami tidak dilayan kerana parti lain turut memohon," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti di sini.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata selepas pilihan raya, beliau meminta kerajaan satu jawatan Menteri dan satu jawatan SUP wanita.

MIC kini, masing-masing diwakili dua timbalan menteri dan SUP.

Dua Timbalan Menteri dari parti itu ialah Datuk S. Subramaniam (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Datuk G. Palanivel di Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dua SUPnya pula ialah Datuk P. Veerasingam (Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial) dan S. Sothinathan di Kementerian Kesihatan.

Selain MIC, Wanita MCA juga meminta kerajaan melantik wakilnya sebagai timbalan menteri di Kementerian baru itu yang diketuai Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Kementerian berkenaan yang pada peringkat awalnya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Wanita, ditubuhkan pada 17 Jan.

Samy Vellu juga berkata MIC akan meminda Perlembagaan parti itu tahun ini, dengan memansuhkan proses pelantikan pemimpin pemuda dan wanita di peringkat negeri dan kebangsaan yang kini dilakukan oleh presiden.

"Saya mahu mereka dipilih supaya mereka bertanggungjawab kepada orang yang memilih mereka," katanya.

Samy Vellu juga mengumumkan bahawa MIC akan mengadakan perhimpunan agung dua hari parti itu di Johor Baharu mulai 19 Mei.

-- BERNAMA

DC AHH LAT